

26 JANUARI 2018

## 153 penagih ditahan dalam Ops Sarang 1

### 153 penagih ditahan dalam Ops Sarang 1

**KUANTAN** - Polis berjaya menahan seramai 153 orang bagi pelbagai kesalahan melibatkan penyalahgunaan dadah dalam Ops Sarang 1 2018 di sembilan lokasi sekitar daerah ini.

Operasi diketuai oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah itu dilaksanakan bermula 11.30 malam kelmarin dan berakhir 4.30 petang semalam.

Antara lokasi yang terlibat adalah sekitar bandar Kuantan, Jaya Gading, Gambang, Beserah, Cherating, Gebeng, Panching, Bukit Goh dan Sungai Lembing.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof berkata, daripada jumlah tersebut seramai 116 tangkapan telah dilakukan melibatkan 105 lelaki dan 11 wanita warga tempatan berusia antara 20 hingga 45 tahun.

"Kesemua tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 (102 kes, 110 tangkapan) manakala Akta Penyalahgunaan Dadah 1983 dengan enam kes daripada enam tangkapan.

"Polis dengan keanggotaan seramai 141 anggota termasuk pegawai telah berjaya merampas lima jenis dadah sebanyak 67.06 gram (g) dan 402 biji berjumlah RM8,730," katanya pada sidang media Ops Sarang 1 2018 di sini semalam.

Jelasnya, dadah yang terlibat adalah heroin (8.73g), syabu (13.28g), yaba (402 biji), ganja (6.5g) dan ketamin (0.36g).

Dalam operasi itu juga turut dirampas dua buah motosikal curi jenis Honda EX5 dan Yamaha 125Z serta kabel yang dipercayai dicuri.



Mohamad Noor (kanan, berdiri) ketika melihat antara sebahagian mereka yang ditahan.

